

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**RAK 552 – Amalan Profesional Senibina**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

- 2 -

1. Beri penjelasan ringkas pemahaman anda bagi perkara-perkara di bawah:-

- (a) Arkitek Berdaftar dan Arkitek Profesional (Ar.)
- (b) Pembangunan professional berterusan (CPD)
- (c) Firma Perkongsian dan Badan Berkanun
- (d) Arahan Arkitek dan Insuran-Insuran Kontrak
- (e) Kos Prima dan Kos Provisional

(20 markah)

2. Bagaimanakah yuran profesional Arkitek ditentukan bagi sesebuah projek? Kes projek: sebuah projek bangunan industri di sebuah kawasan perindustrian yang terancang bernilai RM5,550,550.00. Jawab soalan-soalan berikut:-

- (a) Berapakah anggaran yuran bagi Arkitek?
- (b) Bagaimanakah kos projek ditentukan dan hubungkaitnya dengan yuran Arkitek.

(20 markah)

3. Terdapat beberapa langkah awal yang perlu diambil kira sebelum anda (Arkitek Profesional) bersetuju menerima perlantikan sebagai perunding Arkitek sesebuah projek? Tulis contoh sepucuk surat rasmi kepada klien menerangkan kedudukan tersebut.

(20 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan '*Conflict of Professional Duty*' ketika seorang Arkitek melaksanakan sebuah projek? Berikan satu contoh kes dan penjelasannya bagaimana seorang Arkitek boleh terlibat di samping menjalankan tanggungjawabnya sebagai perunding Arkitek projek tersebut.

(20 markah)

- 3 -

5. Dalam jangkaan apabila terdapat kelewatan pada pelaksanaan kerja kontrak, kontraktor mestilah memberi notis secara bertulis dengan alasan kelewatan tersebut dan jika sekiranya Arkitek berpendapat terdapat akan kerja melepasi tarikh siap kontrak, Arkitek akan mengangalkan jangka masa sebenar kelewatan tersebut secara bertulis dengan adil dan munasabah terhadap lanjutan masa kontrak tersebut.

Apakah yang anda faham dengan kenyataan "Adil dan Munasabah Akan Lanjutan Masa Kontrak" kepada kontraktor untuk menyiapkan kerja berkenaan?

(20 markah)

6. Jika permohonan bertulis dimajukan kepada Arkitek oleh kontraktor dan Arkitek berpendapat bahawa kontraktor telah mengalami kerugian atau perbelanjaan dan perkara ini tidak tercatat dalam provisi kontrak yang sedang dilaksanakan dan terlibat secara material dan langsung. Arkitek akan menentukan jumlah sebenar kerugian atau perbelanjaan tersebut. Mana-mana jumlah yang ditentukan akan dimasukkan di dalam jumlah kontrak asal.

Apakah yang anda faham dengan kenyataan di atas dan bagaimanakah cara kontraktor berkenaan berhak membuat tuntutan?

(20 markah)

7. Pada pendapat Arkitek kerja telah pun siap secara praktikal dan sepenuhnya. Ia akan mengeluarkan Sijil Siap Kerja Kontrak mengikut segala penetapan di bawah kontrak yang telah dilaksanakan pada tarikh yang dinyatakan dalam sijil tersebut.

Di atas kenyataan tersebut apakah yang kamu faham tentang tanggungjawab selepas pengeluaran sijil berkenaan yang perlu Arkitek nasihatkan majikan?

(20 markah)

- 000 O 000 -